

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI  
NASARAH (LENGGONG)**

**TARIKH : 24 OKTOBER 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan berapakah harga kediaman mampu milik yang ditawarkan menerusi Projek Perumahan Taman Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) Bukit Jalil sebanyak 2,000 unit di Parsel 2C Taman LTAT, Bukit Jalil khusus untuk anggota ATM dan veteran ATM serta keluarga.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) melalui perbadanan milik sepenuhnya, Perbadanan Perwira Harta Malaysia (PPHM), sedang membina 2,000 unit pangsapuri, berkeluasan 850 kaki persegi di Taman LTAT, Bukit Jalil, Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.

Pada akhir tahun 2018, Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) telah bersetuju untuk memberi subsidi kos pembinaan kepada hanya 500 unit pangsapuri, manakala baki sebanyak 1,500 unit lagi akan dijual kepada umum pada harga pasaran di bawah program Residensi Wilayah yang dahulunya dikenali sebagai Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (RUMAWIP).

Pihak PPAM dan LTAT juga bersetuju bahawa 500 unit rumah mampu milik yang diberi subsidi tersebut akan dijual kepada anggota ATM, veteran ATM serta keluarga mereka yang layak pada harga RM199,750 seunit. Kerja pembinaan pangsapuri tersebut hampir siap sepenuhnya dan Sijil Perakuan Penyiapan dan Pematuhan [Certificate of Completion and Compliance (CCC)] dijangka akan diterima pada suku pertama tahun 2020.